

02/02/2003

Pelayar muda ketuai cabaran regatta Kedah

Hamzah Osman

JAGUH perahu layar optimis negara, Khairulnizam Mohd Afendy, 10, dipilih mengetuai 30 pelayar Kedah pada Kejohanan Perahu Layar Regatta Perdana Terbuka Kedah Langkawi 2003 selama tiga hari mulai 14 Februari ini.

Khairulnizam yang membantu Malaysia meraih pingat emas acara berpasukan pada Kejohanan Perahu Layar Optimis Asean di Singapura bulan lalu, kini giat berlatih bersama rakan di perairan berhadapan Hotel Tiara, Langkawi.

Latihan sejak 8 Januari lalu itu adalah sebahagian daripada persiapan pasukan itu untuk menyaingi lebih 200 pelayar tempatan dan luar negara yang dijangka menyertai kejohanan berkenaan.

Selain mempertandingkan kategori Optimis dan Laser, kejohanan yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM50,000 itu turut mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Presiden Persatuan Perahu Layar Kedah, Mohamad Afendy Abdullah berkata seramai 30 pelayar berbakat dipilih menjalani latihan sebagai persiapan ke kejohanan itu.

"Setakat ini, prestasi Khairulnizam dan rakan-rakan sangat memberangsangkan. Selain latihan fizikal, mereka juga dipupuk semangat juang tinggi mengharungi kejohanan.

"Latihan intensif dan berterusan perlu kerana cabaran yang bakal ditempuh adalah sengit dan jika tidak berada pada tahap terbaik, tentu sukar untuk mereka mencapai kejayaan," katanya di Langkawi.

Mohamad Afendy berkata, pihaknya turut menerima banyak pertanyaan daripada pelayar seluruh Malaysia dan beberapa negara Asean termasuk Singapura dan Thailand berhubung kejohanan itu.

"Sementara kontinjen Tentera laut Diraja Malaysia pula sudah berjanji menghantar peserta paling ramai dan berkaliber pada kejohanan pembuka tirai 2003 itu.

"Bagaimanapun saya yakin kewibawaan Khairulnizam kerana dia adalah pelayar muda berbakat besar dan mampu memberi saingan kepada pelayar terutama daripada pasukan negara Asean," katanya.